

22/07/1997

Melebar sayap kesukarelawan di luar negara

Meor Hisham Zulkifli

MUNGKIN tidak ramai yang menyedari ramai warga Malaysia yang sudah mendaftar menjadi sukarelawan di negara tertentu sejak 1970-an lagi. Tetapi penubuhan Yayasan Salam 22 Julai ini, bertujuan melahirkan lebih ramai sukarelawan untuk berkhidmat dalam dan luar negara mendapat sambutan menggalakkan dengan penyertaan lebih 900 orang.

Kejayaan negara dalam pelbagai aspek pembangunan dan ekonomi menjadikan Malaysia dihormati. Selain itu, kebijaksanaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terbukti berjaya mengangkat imej dan mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Sejajar dengan kemampuan ekonomi negara yang terus berkembang, Malaysia kini mampu menonjolkan diri sebagai negara pemberi bantuan dan kepakaran kepada negara asing. Antara bantuan itu yang pernah disumbangkan adalah kewangan dan kepakaran kepada beberapa negara Dunia Ketiga.

Sudah tiba masanya Malaysia menyumbang tenaga sukarela di peringkat antarabangsa dalam sebuah badan sukarela bagi membantu mereka yang memerlukan termasuk mangsa peperangan dan negara Dunia Ketiga.

Kita sering mendengar badan seperti Save The Child, Lutheran World Relief, Catholic Relief Services dan Food For Hungry di Amerika Syarikat, aktif memberi bantuan kemanusiaan.

Selain itu, badan seperti Amnesty, sebuah badan kemanusiaan dan hak asasi antarabangsa turut aktif menjalankan aktiviti mereka. Begitu juga British Medical Emergency Relief International. Bagi negara Islam pula, antara badan kebajikan dan kemanusiaan yang ternama ialah Islamic Relief yang ditubuhkan pada 1984 dan sehingga kini sudah mempunyai lebih 20 cawangan di Timur Tengah, Asia, Amerika Syarikat dan Eropah.

Di negara ini, kita sudah mempunyai badan seumpama itu seperti Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) iaitu Malaysia Relief Center dan Institut Penyelidikan dan Kemanusiaan Malaysia (MSRI). Kedua-dua badan itu kini sudah menubuhkan pusat bantuan di Bosnia, Palestin dan Beirut.

Selain itu pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) lain yang aktif dalam aktiviti kemasyarakatan tetapi menjurus kepada aktiviti kemanusiaan dan kebajikan dalam negara.

Sejak 1970-an penghantaran sukarelawan dilakukan oleh NGO yang memberi peluang kepada belia negara ini bertugas di negara Afrika.

Aktiviti yang dianjurkan oleh badan berkenaan bagaimanapun terhad terutama kerana kekurangan kewangan serta sukarelawan. Oleh itu dengan penubuhan sebuah badan yang mampu menaungi badan kebajikan itu aktiviti kemanusiaan akan lebih tersusun di samping berupaya meningkatkan kemahiran sukarelawan yang dihantar kerana mereka boleh dilatih di organisasi berkenaan sebelum bertugas.

Menyedari keperluan itu, Malaysia akan melancarkan Yayasan Salam, 22 Julai ini dalam usaha menyelaras aktiviti kemanusiaan dan kebajikan selain menanam dan meningkatkan nilai kerja sukarela di kalangan belia negara.

Dalam satu kenyataan mengenai penubuhan yayasan itu baru-baru ini, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, yayasan itu ditubuhkan berteras semangat gotong-royong serta mengembalikan nilai murni ke dalam sanubari belia di samping mengukuh nilai tradisi.

Menurutnya, Yayasan Salam bertanggungjawab menyemai dan mewujudkan semangat baru kesukarelaan generasi muda yang kini semakin luntur, walaupun semangat yang sama masih ada di kalangan golongan tua.

Penubuhan yayasan itu juga tidak bererti negara perlu bergantung kepada

kekuatan ekonomi semata-mata sebaliknya memerlukan kekuatan budaya, ilmu dan sosial yang mampu dikembangkan untuk disalurkan kepada masyarakat negara lain.

Sebagai permulaan, petugas Yayasan Salam akan dihantar bekerja secara sukarela di Laos, Kemboja dan di beberapa negara di Afrika dalam misi bantuan kemanusiaan di samping membantu perkhidmatan teknikal dan pengajar bagi sesebuah komuniti. Terangkum dalam tugas mereka adalah dalam aspek kesihatan, perdagangan, teknologi dan pembangunan masyarakat.

"Inisiatif ini perlu kita wujudkan kerana Malaysia sudah ada upaya dari segi sumbangan lain di kawasan terpinggir dalam negara dan kawasan luar negara yang memerlukan khidmat sukarela.

"Saya akan pastikan ini sebagai tindakan susulan terpenting kepada apa yang disarankan oleh Dr Mahathir selepas beliau berjaya mengangkat imej negara dalam pelbagai bidang," kata Timbalan Perdana Menteri.

Bagi menjayakan program berkenaan, rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas dipelawa melakukan kerja kemasyarakatan di antara 12 dan 24 bulan di dalam atau luar negara.

Kerajaan juga mengalu-alukan penyertaan lepasan universiti dan kolej serta pesara yang mempunyai kemahiran atau pengalaman berguna dalam program sukarelawan ala peace corps, Amerika Syarikat.

Yayasan Salam itu akan dibentuk mencontohi pasukan Sukarelawan Amerika pada tahun 1961 dulu dan anggota Yayasan Salam dikehendaki berkhidmat di kawasan luar bandar dan seberang laut.

Yayasan Salam sebagaimana Pasukan Sukarelawan Amerika, memerlukan anggotanya berkhidmat secara sukarela tanpa kepentingan peribadi. Ramai sukarelawan Amerika yang pernah berkhidmat di negara kita adalah daripada golongan belia. Mereka menganggap perkhidmatan di luar negara sebagai peluang keemasan mengenal negara orang.

Di samping menyampaikan ilmu kepada rakyat di negara mereka ditugaskan, mereka juga memperluas pengalaman dan ilmu mereka sendiri. Mereka juga berpeluang mempererat persahabatan antara rakyat kita dengan rakyat Amerika.

Sukarelawan dan sukarelawati yang terbabit dalam aktiviti seumpama juga akan menerima elaun mencukupi untuk makan, minum dan tempat tinggal, di samping kemudahan perubatan dan insurans yang sesuai sepanjang perkhidmatan mereka. Bagi meningkatkan keberkesanan fungsi badan itu, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, akan terbabit secara langsung menyokong yayasan berkenaan.

Selain itu, bagi memastikan badan itu berjalan dengan lancar dan diterima oleh masyarakat dunia, perlu dipastikan ia menjadi badan bebas daripada sebarang kepentingan politik dan perniagaan supaya ia mampu mengkhusus melaksanakan misi sukarela dan bantuan kemanusiaan.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, fungsi Yayasan Salam tidak akan bertindih dengan pertubuhan, badan amal kebajikan serta yayasan sedia ada, sebaliknya menjadi pelengkap kepada kegiatan kesukarelaan seperti yang pernah dilakukan di Bosnia, Palestin dan Lebanon.

"Kita tidak akan bertindih, tetapi bekerjasama untuk membantu, menyelaraskan dan mempertingkatkan lagi kegiatan yang dilaksanakan badan amal dan kebajikan sedia ada melalui satu inisiatif tempatan," kata Anwar.

Sukarelawan sepenuh masa di luar negara dijangka berkhidmat di antara dua bulan dan dua tahun serta diberi imbuhan khas yang minimum untuk membiayai kos makan minum ketika bertugas. Sukarelawan juga akan diberi kursus induksi termasuk belajar bahasa tempatan, jika penduduknya berkomunikasi selain bahasa Inggeris bagi memastikan mereka mempunyai kemahiran yang mencukupi sebelum dihantar. Lembaga Pengarah Yayasan Salam, diketuai oleh Pengerusi Tetap Mesyuarat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

(PBB), Datuk Razali Ismail dan dianggotai oleh wakil beberapa badan bukan kerajaan yang bergiat aktif dalam aktiviti kemanusiaan di negara ini.

Kini pun kita membantu negara di Afrika serta di tempat lain dengan mengirim pakar memenuhi kekurangan mereka dalam bidang tertentu. Kemajuan Malaysia yang begitu pesat dalam politik, ekonomi dan sosial menjadi contoh negara membangun untuk menimba ilmu dan pengalaman. Yayasan Salam adalah kesinambungan daripada kebiasaan itu. Gagasan Yayasan Salam memang baik dan kita percaya mendapat sambutan daripada masyarakat terutama yang berhasrat memperluas pengalaman berkhidmat di luar negara.

Diharapkan sukarelawan yang dipilih dapat meninggikan lagi nama negara di persada dunia dan dalam masa yang sama, Yayasan Salam akan menjadi pelengkap kepada misi negara muncul sebagai negara yang sentiasa prihatin kepada isu kemanusiaan sejagat.

(END)